

05/10/1999

## Strategi bantu pekebun dirangka

Azman Mahmood

KOTA BHARU, Isnin - Strategi khusus bagi membantu meningkatkan pendapatan 400,000 pekebun kecil getah di negara ini yang kini berdepan kejatuhan harga komoditi itu, dijangka diumumkan selewat-lewatnya pertengahan bulan ini.

Strategi itu akan diputuskan dalam mesyuarat khas Jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, di Kuala Lumpur akhir minggu ini.

Jawatankuasa itu dianggotai empat menteri, iaitu Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa, Menteri Kewangan Kedua, Datuk Mustapa Mohamed, Menteri Pertanian, Datuk Amar Dr Sulaiman Daud dan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik.

Annuar berkata, kementerian terbabit akan mengemukakan cadangan dan strategi untuk dirumus bersama serta mencari mekanisme terbaik bagi membantu pekebun kecil.

"Untuk itu, jawatankuasa akan mengadakan mesyuaratnya 7 Oktober ini (Khamis) untuk menyusun satu strategi khusus membantu pekebun kecil yang sedang berdepan dengan kejatuhan harga komoditi itu.

"Hasil keputusan mesyuarat dijangka diumumkan kerajaan dalam masa satu atau dua minggu selepas itu yang diharap dapat melegakan nasib 400,000 pekebun kecil di seluruh negara," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menerima buku dan komputer sumbangan Mardec Berhad, di Kampung Aril, Melor, dekat sini, semalam.

Bulan lalu, Timbalan Perdana Menteri berkata kerajaan menubuhkan Jawatankuasa Kabinet dianggotai empat menteri bagi membantu 400,000 pekebun kecil getah seluruh negara untuk mencari mekanisme terbaik menambahkan pendapatan mereka berikutan kejatuhan harga komoditi itu berterusan di pasaran dunia.

Katanya, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga meminta jawatankuasa itu merangka rancangan sampingan supaya pekebun kecil getah mempunyai sumber terbaik yang boleh menambahkan pendapatan mereka selain bergantung kepada getah.

Sebelum ini, Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) pernah mengumumkan untuk merombak seluruh struktur pekebun kecil dan amalan penanaman getah yang diguna pakai lebih 50 tahun lalu supaya sektor itu dan industri getah negara lebih berdaya saing.

Difahamkan Risda juga sudah membuat kertas kerja dasar mengenai perubahan struktur dan masa depan industri getah negara dengan mencadangkan agar 80 peratus tanaman getah pekebun kecil diubah kepada kelapa sawit.

Ini berikutan kelapa sawit mampu mengeluarkan hasil hanya dalam masa dua atau tiga tahun dan dijangka mempunyai potensi pasaran dan permintaan lebih baik di masa depan berbanding getah paling awal mengambil masa empat tahun mengeluarkan hasil.

Bagaimanapun, menurut Annuar tanaman getah tetap diberi keutamaan dengan mengekalkan tanaman itu mengikut sistem zon.

Beliau berkata, kerajaan tidak boleh menaikkan harga getah sewenang-wenangnya kerana komoditi itu bergantung kepada kedudukan semasa harga pasaran dunia.

Katanya, kerajaan menyedari pasaran harga getah terus tidak stabil dan langkah sesuai akan terus diambil dan mengawasinya termasuk meletakkan

keutamaan menjaga kebajikan pekebun kecil.

"Kerajaan akan memastikan nasib pekebun kecil getah terus terbela dan Jawatankuasa Kabinet yang dianggotai empat kementerian ini akan memberi perhatian serius mencari mekanisme terbaik membantu mereka," katanya.

(END)